



LAPORAN PENILAIAN LEPASAN KURSUS PERTANIAN BELIA TANI KE JEPUN

Jabatan Pertanian Malaysia

8 Julai 2011

KANDUNGAN LAPORAN

1. LATAR BELAKANG PENILAIAN
2. RASIONAL PENILAIAN
3. LATAR BELAKANG KURSUS
 - i. OBJEKTIF, BHU, *OUTPUT* & *OUTCOME*
 - ii. SYARAT PERMOHONAN
 - iii. STATUS SEMASA
4. OBJEKTIF PENILAIAN
5. TEMUAN PENILAIAN
 - i. MAKLUMAT PROJEK
 - ii. IMPAK KURSUS
7. CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
8. RUMUSAN PENILAIAN
9. PENUTUP
10. LAMPIRAN 1 : SEBAHAGIAN GAMBAR RESPONDEN BAGI PENILAIAN TAHUN 2011

LATAR BELAKANG PENILAIAN

1. Dua (2) penilaian telah dilaksanakan :
 - i. Penilaian tahun 2006 melibatkan seramai 57 (30%) daripada 190 orang lepasan dari tahun 1985 hingga tahun 2000.
 - ii. Penilaian tahun 2011 pula melibatkan seramai 9 orang (100%) lepasan yang mengikuti Kursus Pertanian Belia Tani ke Jepun pada tahun 2005. Mereka dipilih sebagai responden kerana dipercayai tempoh selama 5 tahun (2006 - 2010) adalah mencukupi untuk mereka memulakan dan mengembangkan kerjaya dalam bidang pertanian.
2. Pendekatan penilaian adalah secara temubual dengan menggunakan borang soal selidik berstruktur dan tinjauan ke lokasi projek responden.
3. Analisis data soal selidik menggunakan SPSS ver. 18.

RASIONAL PENILAIAN

Melalui penilaian ini, Jabatan Pertanian akan dapat :

- i. Maklumat bagi mengukur keberkesanan kursus dalam melahirkan usahawan tani.
- ii. Melaksanakan penambahbaikan untuk memantapkan keberkesanan kursus di masa hadapan.

LATAR BELAKANG KURSUS

- i. Kursus Pertanian Belia Tani ke Jepun telah dimulakan pada tahun 1985 dan ia merupakan kerjasama antara Jabatan Pertanian bagi pihak Kerajaan Malaysia dan *Japan Agricultural Exchange Council* (JAEC) bagi pihak Kerajaan Jepun.
- ii. Kursus ini dianjurkan bagi memberi pendedahan kepada peserta kursus berhubung teknologi terkini dan kemahiran pengurusan ladang melalui latihan *hands-on* serta sesi pembelajaran secara teori.
- iii. Setiap tahun seramai 7 – 10 orang beliatani akan dihantar ke Jepun untuk menjalani latihan *hands-on* di ladang keluarga angkat Jepun bagi tempoh 11 bulan.
- iv. Setelah kembali ke Malaysia, lepasan kursus ini akan terus dipantau oleh pihak JAEC dan keluarga angkat Jepun. Program lawatan pemantauan akan dibuat dua (2) tahun sekali di mana keluarga angkat dan pihak JAEC akan melawat belia tani yang pernah tinggal dan menjalani latihan di ladang mereka.

OBJEKTIF, BHU, OUTPUT & OUTCOME

NAMA
PROJEK

OBJEKTIF

BHU *

OUTPUT

OUTCOME

**Kursus Pertanian
Beliatani ke
Jepun**

Memberi pendedahan kepada peserta kursus berhubung teknologi terkini dan kemahiran pengurusan ladang melalui latihan *hands-on* serta sesi pembelajaran secara teori

Teknologi moden dan kemahiran pengurusan ladang

- 1. Bilangan lepasan yang mengikuti Kursus Pertanian Beliatani ke Jepun.**
- 2. Bilangan lepasan kursus yang terlibat dalam bidang pertanian.**

- 1. Bilangan lepasan kursus yang berjaya memperolehi pendapatan RM3,000 sebulan.**
- 2. Bilangan lepasan yang mengamalkan pertanian secara komersil.**


* **BHU : Bidang Hasil Utama**

SYARAT PERMOHONAN

1. Belia lelaki berumur 21 – 28 tahun dan belum berkahwin.
2. Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).
3. Berpengalaman melaksanakan projek pertanian sekurang-kurangnya dua (2) tahun.
4. Berpotensi untuk menjadi pemimpin peladang di masa akan datang.
5. Sanggup meninggalkan bidang usaha/ keluarga selama 14 bulan (3 bulan Kursus Persediaan Ke Jepun di PLKP Serdang dan 11 bulan latihan di Jepun).
6. Sanggup bekerja sepenuh masa, tinggal dan makan bersama keluarga petani Jepun.
7. Tidak dibenarkan meninggalkan kursus walaupun menghadapi sebarang masalah.

STATUS SEMASA


BILANGAN LEPASAN KURSUS PERTANIAN BELIA TANI KE JEPUN BAGI TEMPOH 1985 – 2010 MENGIKUT NEGERI



JUMLAH LEPASAN DARI TAHUN 1985 - 2010 : 273 ORANG

Sumber : Bahagian Pengembangan Pertanian dan IAT


BILANGAN LEPASAN KURSUS MENGIKUT TAHUN



Catatan : Pertanian merangkumi projek tanaman, ternakan haiwan, akuakultur, IAT dan perkhidmatan.

Sumber : Bahagian Pengembangan Pertanian dan IAT

PEKERJAAN UTAMA LEPASAN KURSUS PERTANIAN BELIA TANI



✚ 152 (55.7%) daripada 273 orang lepasan mempunyai pekerjaan utama dalam bidang pertanian (samada mengusahakan projek tanaman, ternakan, akuakultur, IAT dan perkhidmatan pertanian).


CATATAN :

- i. Perkhidmatan pertanian adalah seperti kontraktor pertanian dan mengambil upah kerja-kerja pertanian.
- ii. Lain-lain pekerjaan adalah seperti kakitangan kerajaan/ swasta, jurujual, pemandu dan mekanik.
- iii. Tiada maklumat termasuk 2 orang (0.7%) lepasan yang telah meninggal dunia.

JUMLAH LEPASAN DARI TAHUN 1985 - 2010 : 273 ORANG

Sumber : Bahagian Pengembangan Pertanian dan IAT

JENIS PROJEK PERTANIAN YANG SEDANG DILAKSANAKAN



✚ Seramai 130 (86%) daripada 152 orang lepasan menjalankan projek tunggal iaitu samada tanaman/ternakan/akuakultur/IAT. Didapati 115 orang (75.6%) lepasan melaksanakan projek tanaman sahaja.

✚ Seramai 22 (14%) daripada 152 orang lepasan menjalankan projek secara integrasi (kombinasi pelbagai bidang usaha seperti projek tanaman dan perkhidmatan pertanian/projek tanaman dan ternakan).

JUMLAH LEPASAN YANG TERLIBAT DALAM PERTANIAN ADALAH SERAMAI : 152 ORANG

Sumber : Bahagian Pengembangan Pertanian dan IAT

OBJEKTIF PENILAIAN

- i. Menentukan keberkesanan Kursus Pertanian Belia Tani ke Jepun terhadap lepasan kursus.
- ii. Mengenalpasti isu dan halangan yang dihadapi oleh lepasan kursus sepanjang mengikuti program di Jepun dan semasa melaksanakan projek pertanian di Malaysia.
- iii. Memberi cadangan dan syor penambahbaikan bagi mengatasi isu dan halangan yang dihadapi.




**TEMUAN
PENILAIAN**

I. MAKLUMAT PROJEK


1. Responden Yang Terlibat Dalam Bidang Pertanian Sebelum dan Selepas Mengikuti Kursus.
2. Jenis Projek Pertanian Yang Diusahakan Selepas Mengikuti Kursus.
3. Jenis Tanaman Yang Diusahakan Selepas Mengikuti Kursus.
4. Keluasan Ladang Yang Diusahakan Sebelum dan Selepas Mengikuti Kursus.
5. Bilangan Pekerja Selepas Mengikuti Kursus di Jepun.
6. Pendapatan Sebulan Hasil Daripada Projek Pertanian Yang Dijalankan Pada Tahun 2010.

RESPONDEN YANG TERLIBAT DALAM BIDANG PERTANIAN SEBELUM DAN SELEPAS MENGIKUTI KURSUS (perbandingan 2006 & 2011)



- Sampel yang dinilai pada tahun 2006, 83% kekal dalam pertanian.
- Sampel yang dinilai pada tahun 2011, keseluruhan responden (100%) masih kekal dalam pertanian.

JENIS PROJEK PERTANIAN YANG DIUSAHAKAN SELEPAS MENGIKUTI KURSUS (perbandingan 2006 & 2011)



- *Penilaian 2006 melibatkan 47 responden yang aktif dalam pertanian.*
- *Penilaian 2011 melibatkan 9 responden yang aktif dalam pertanian.*


- Penilaian tahun 2006 menunjukkan 45% responden mengusahakan tanaman tunggal. Walau bagaimanapun, trend yang berbeza ditunjukkan pada tahun 2011 di mana 56% responden mengusahakan kombinasi pelbagai jenis tanaman.

- * *Projek integrasi : tanaman & ternakan/akuakultur*
- ** *Lain-lain : perkhidmatan pertanian seperti pemborong sayur, agropelancongan*

JENIS TANAMAN YANG DIUSAHAKAN SELEPAS MENGIKUTI KURSUS

- Penilaian tahun 2006 menunjukkan 39 (83%) daripada 47 orang responden yang aktif dalam pertanian mengusahakan projek tanaman. Walau bagaimanapun, 8 orang (17%) responden telah bertukar bidang usaha daripada projek tanaman kepada projek ternakan/akuakultur/perkhidmatan pertanian.
- Penilaian tahun 2011 pula menunjukkan 8 orang (89%) daripada 9 orang responden yang aktif dalam pertanian terlibat dengan projek tanaman di mana 50% responden mengusahakan tanaman buah-buahan dan kelapa sawit.

JENIS TANAMAN YANG DIUSAHAKAN SELEPAS MENGIKUTI KURSUS (perbandingan 2006 & 2011)




- **Penilaian tahun 2006** menunjukkan 41% responden mengusahakan tanaman buah-buahan, 36% tanaman padi dan 26% sayur-sayuran .
- **Penilaian tahun 2011** pula menunjukkan majoriti responden terlibat dengan tanaman buah-buahan (50%) dan kelapa sawit (50%).

Catatan :
 Penilaian 2006 melibatkan 39 responden yang terlibat dalam projek tanaman.
 Penilaian 2011 melibatkan 8 responden yang terlibat dalam projek tanaman.

* Terdapat responden yang mengusahakan lebih daripada satu jenis tanaman.

KELUASAN LADANG YANG DIUSAHAKAN SEBELUM DAN SELEPAS MENGIKUTI KURSUS (perbandingan 2006 & 2011)



- Penilaian tahun 2006 tidak menunjukkan trend yang nyata dalam usaha responden untuk meluaskan skala penanaman. Didapati julat keluasan ladang kurang 1 hektar telah meningkat daripada 41% (sebelum kursus) kepada 49% (selepas kursus).

- Penilaian tahun 2011 pula menunjukkan berlakunya peningkatan keluasan ladang di mana peratus responden yang mengusahakan ladang kurang 1 hektar telah menurun iaitu daripada 75% (sebelum kursus) kepada 25% (selepas kursus).


- Secara keseluruhannya, peningkatan jumlah keluasan ladang yang diusahakan adalah seperti berikut :

a. Penilaian 2006 : 254 hektar kepada 573 hektar (peningkatan 126%).

b. Penilaian 2011 : 11 hektar kepada 66 hektar (peningkatan 500%).

*Catatan : Maklumbalas daripada responden yang mengusahakan projek tanaman sahaja.
(Penilaian 2006 : 39 orang; Penilaian 2011 : 8 orang).*

BILANGAN PEKERJA SELEPAS MENGIKUTI KURSUS DI JEPUN (perbandingan 2006 & 2011)



- Penilaian tahun 2006 menunjukkan 56% tenaga kerja adalah daripada kalangan ahli keluarga (jumlah pekerja ahli keluarga adalah 64 orang).
- Walau bagaimanapun, trend yang berbeza ditunjukkan bagi penilaian tahun 2011 di mana 57% tenaga kerja adalah merupakan pekerja tetap (jumlah pekerja tetap adalah 29 orang). Ini disebabkan skala perusahaan yang semakin besar mendorong responden untuk menggunakan tenaga kerja tetap.


Catatan :

Bilangan pekerja bagi responden yang terlibat dengan projek tanaman.

Jumlah pekerja (penilaian tahun 2006) : 114 orang

Jumlah pekerja (penilaian tahun 2011) : 51 orang

PENDAPATAN SEBULAN HASIL DARIPADA PROJEK PERTANIAN YANG DIJALANKAN PADA TAHUN 2010 (perbandingan 2006 & 2011)



Catatan : Bagi responden 2006, maklumbalas pendapatan hanya diperolehi daripada 47 orang sahaja (3 orang responden telah bertukar pekerjaan).


Sumber : Bahagian Pengembangan Pertanian dan IAT.

- Analisis menunjukkan 50% responden (penilaian tahun 2006) dan 22% responden (penilaian tahun 2011) berjaya mencapai pendapatan melebihi RM3,000 sebulan. Walau bagaimanapun, masih terdapat 18% responden bagi penilaian tahun 2006 yang mempunyai pendapatan kurang daripada RM1,000 sebulan.

II. IMPAK KURSUS

1. Pengurusan Rantaian Nilai Yang Diaplikasikan Selepas Kursus.
2. Aplikasi Latihan Yang Diterima Kepada Masyarakat Setempat Bagi Perkembangan Pertanian.
3. Aktiviti dan Penglibatan Responden Dalam Masyarakat Setelah Kembali ke Malaysia.
4. Faedah Kursus Pertanian Belia Tani di Jepun.


PENGURUSAN RANTAIAN NILAI YANG DIAPLIKASIKAN SELEPAS KURSUS (perbandingan 2006 & 2011)



- Penilaian tahun 2011 menunjukkan trend responden dalam memodenkan operasi ladang dengan penggunaan jentera (78%) dan perubahan dalam sistem pemasaran (67%) termasuk memulakan aktiviti mengeksport hasil pertanian (11%).


APLIKASI LATIHAN YANG DITERIMA KEPADA MASYARAKAT SETEMPAT BAGI PERKEMBANGAN PERTANIAN

(perbandingan 2006 & 2011)



- Setelah kembali ke Malaysia, didapati responden turut bersama-sama memberi sumbangan kepada masyarakat setempat bagi perkembangan pertanian dalam negara.
- Temuan penilaian tahun 2011 menunjukkan penglibatan responden yang tinggi dalam masyarakat untuk mengembangkan ilmu pertanian berbanding tahun 2006. Sebagai contoh, seramai 78% responden mula melatih petani muda atau bakal petani (penilaian tahun 2011) berbanding 19% sahaja pada tahun 2006.


AKTIVITI DAN PENGLIBATAN RESPONDEN DALAM MASYARAKAT SETELAH KEMBALI KE MALAYSIA (perbandingan 2006 & 2011)



- Penilaian tahun 2011 menunjukkan majoriti responden (67%) merupakan ahli persatuan / koperasi pertanian di samping menjadi ahli Persatuan Belia (56%). Ini memberi indikator kepada kecenderungan mereka untuk bertindak sebagai pemimpin tempatan bagi mengembangkan lagi ilmu pengetahuan yang dimiliki.

Catatan : Bagi penilaian 2006, maklumbalas diperolehi daripada 26 responden sahaja.

FAEDAH KURSUS PERTANIAN BELIA TANI DI JEPUN (perbandingan 2006 & 2011)



- Kedua-dua penilaian yang telah dilaksanakan pada tahun 2006 dan 2011 menunjukkan responden mengakui mereka memperolehi pelbagai faedah terutamanya dari aspek teknik pertanian dan pengurusan.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN (PERSEPSI RESPONDEN PENILAIAN TAHUN 2011)

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN BAGI MEMANTAPKAN KURSUS PERTANIAN BELIA TANI KE JEPUN

BIL	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN (*)	BIL . LEPASAN	PERATUS (%)
1	Panjangkan masa latihan di Jepun kepada lima (5) tahun	2	29
2	Memilih peserta yang mempunyai asas pertanian / ketahanan mental supaya pembelajaran lebih efisien	2	29
3	Keluarga angkat diberi pendedahan berhubung agama Islam bagi mengelakkan salah faham kepada anak angkat yang beragama Islam	2	29
4	Diberi kesempatan mengendalikan projek pertanian berskala besar menggunakan elaun sendiri	1	14
5	Memperbanyakkan lagi penggunaan teknologi jentera dan peralatan moden semasa menjalankan projek	1	14
6	Mempunyai jadual pembelajaran yang sistematik	1	14


* Maklumbalas daripada 7 responden sahaja.



**RUMUSAN
PENILAIAN**

- i. Kursus pertanian di Jepun telah berjaya melahirkan usahawan belia dalam sektor pertanian dengan majoriti responden terlibat dalam projek tanaman.
- ii. Trend pemilihan jenis tanaman menunjukkan kecenderungan responden mengusahakan kombinasi pelbagai jenis tanaman (penilaian tahun 2011) berbanding tanaman tunggal (penilaian tahun 2006).
- iii. Penilaian tahun 2011 menunjukkan berlakunya peningkatan keluasan ladang yang nyata berbanding penilaian tahun 2006. Peratus responden yang mengusahakan ladang kurang 1 hektar telah menurun daripada 75% (sebelum kursus) kepada 25% (selepas kursus).
- iv. Penilaian tahun 2006 menunjukkan 56% tenaga kerja adalah daripada kalangan ahli keluarga. Walau bagaimanapun, trend yang berbeza ditunjukkan pada tahun 2011 di mana 57% tenaga kerja adalah merupakan pekerja tetap.

- v. Seramai 50% responden (penilaian tahun 2006) dan 22% responden (penilaian tahun 2011) berjaya mencapai pendapatan melebihi RM3,000 sebulan. Walau bagaimanapun, masih terdapat 18% responden bagi penilaian tahun 2006 yang mempunyai pendapatan kurang daripada RM1,000 sebulan.
- vi. Penilaian tahun 2011 menunjukkan trend responden dalam memodenkan operasi ladang dengan penggunaan jentera (78%) dan perubahan dalam sistem pemasaran (67%) termasuk memulakan aktiviti mengeksport hasil pertanian (11%).
- vii. Temuan penilaian tahun 2011 menunjukkan penglibatan responden yang tinggi dalam masyarakat untuk mengembangkan ilmu pertanian berbanding tahun 2006. Sebagai contoh, seramai 78% responden mula melatih petani muda atau bakal petani (penilaian tahun 2011) berbanding 19% sahaja pada tahun 2006.
- viii. Kedua-dua penilaian yang telah dilaksanakan pada tahun 2006 dan 2011 menunjukkan responden mengakui mereka memperolehi pelbagai faedah terutamanya dari aspek teknik pertanian dan pengurusan.



PENUTUP

Kursus Pertanian Belia Tani ke Jepun telah berjaya memberi impak positif kepada responden dalam memberi pendedahan berhubung teknologi terkini dan kemahiran pengurusan ladang. Walau bagaimanapun, dicadangkan agar kajian dijalankan ke atas semua lepasan terlibat bagi mengukur impak dan keberkesanan kursus tersebut secara menyeluruh.

LAMPIRAN 1 :
SEBAHAGIAN GAMBAR RESPONDEN
BAGI PENILAIAN TAHUN 2011



Mohd. Zulpukhairi bin
Mohd. Kassim

TKPM Lekir, Perak.
Jenis Tanaman : Sayur-sayuran, melon,
durian, kelapa sawit





Ahmad Ismail bin Kamsah

Pt. Hj. Kamsah Chenderong Balai, Perak.
Jenis Tanaman : Padi, kelapa sawit





Julaineh bin Waimin

Kundasang, Ranau, Sabah.
Bidang Usaha : Landskap & agro pelancongan

Mohd Darul
Nizzam bin Mansor

Kg. Pulau Sayak, Kuala Muda, Kedah.
Bidang Usaha : Akuakultur



Mohammad Idrus bin
Che Kah @ Busra

327 Felda Kerteh 6, Ketengah Jaya, Dungun
Terengganu.

Jenis Tanaman : Cili, timun, melon





Mashezal bin Baharum

No. 1-044, Kg. Baru Mukim Penyur 1,
Pekan, Pahang.

Jenis Tanaman : Betik, petola, limau nipis,
nangka madu



TERIMA KASIH